

200

SOALAN NO: 276

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)
KAWASAN : LUMUT**

SOALAN:

**YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL
HAMID (B)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan untuk
melaksanakan had kelajuan kereta di Lebuhraya Utara-Selatan kepada
130km/jam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria penetapan had laju kenderaan di jalan raya dan lebuh raya di Malaysia dibuat untuk memelihara keselamatan pengguna. Oleh itu, penentuan had laju sesuatu jalan itu telah diwartakan dengan mengambilkira rekabentuk, kapasiti aliran trafik dan tahap risiko kemalangan. Walaupun terdapat lebuh raya di negara ini yang direkabentuk untuk kelajuan melebihi 110 km/j, namun kadar halaju yang diwartakan oleh kerajaan masih kekal pada tahap maksimum 110 km/j.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang masih tinggi di negara ini dan implikasi kos yang mungkin terlibat di dalam menaiktaraf geometrik jalan yang terlibat kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan had laju kebangsaan yang telah diwartakan iaitu 80 km/j di negeri, 90 km/j di jalan persekutuan dan 110 km/j di lebuh raya bertol.

Sekian, terima kasih.